



## Anjur Bazar Ambang Syawal

Wartawan Sinar Harian  
15 Julai 2014



**WOMEN At Work (W@W)** menganjurkan Bazar Ambang Syawal bertempat di Pusat Komuniti Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kuala Lumpur.

Pengerusi Women At Work, Datuk Noraini Ahmad berkata, bazar itu dibuka khusus kepada usahawan wanita yang ingin menambah pendapatan menjelang Aidilfitri.

"Bazar empat hari ini akan menempatkan 58 tapak jualan yang menjual pelbagai barangan untuk persiapan hari raya seperti pakaian, biskut, aksesori, dan serunding," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Menurutnya, terdapat juga peniaga atas talian (online) yang turut serta membuka tapak di bazar itu.

Selain itu, pihaknya juga menerima penyertaan daripada beberapa selebriti tempatan yang bakal membuka tapak jualan bagi menjual produk-produk mereka.

"Dijangka pada hari terakhir bazar ini, terdapat aktiviti lelong yang disertai oleh selebriti berkenaan," katanya.

Noraini berkata, bazar ini merupakan pertama kali dan akan meneruskan aktiviti ini pada tahun depan sekiranya mendapat sambutan.

"Jika nampak sambutan baik, mungkin kami akan menganjurkan bazar Ramadan pula," katanya.

Bazar Ambang Syawal dibuka bermula 11 pagi sehingga 11 malam bermula 17 hingga 20 Julai ini.